

AMALAN PENTAKSIRAN AUTENTIK DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH RENDAH DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DAN SELANGOR

Authentic Assessment Practice Among Primary School Teachers in Federal Territory Kuala Lumpur and Selangor

Zaharah Mohamad, Nor Azizah Atan & Norasyikin Yaacob

Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas

e-mel: zaharah@ipgkik.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat amalan pentaksiran autentik dalam kalangan guru sekolah rendah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor. Kajian ini mengkaji kaedah pentaksiran, mengenal pasti jenis instrumen pentaksiran autentik dan keberkesanan pelaksanaan pentaksiran autentik di sekolah rendah. Responden kajian terdiri daripada 25 orang guru-guru sekolah rendah di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor. Reka bentuk kajian adalah secara kuantitatif dan kualitatif iaitu melalui kaedah soal selidik, temu bual dan analisis dokumen. Kajian ini mendapati pentaksiran autentik yang digunakan oleh mereka dalam pengajaran pembelajaran mereka berbeza mengikut subjek yang diajar. Hasil kajian ini mendapati kaedah pentaksiran yang digunakan adalah lisan (92%) pemerhatian dan penulisan (88%). Responden berseuju guru-guru sekolah rendah menggunakan jenis instrumen pentaksiran autentik seperti persembahan (88%), buku skrap (84%) hands on dan portfolio (52%), pentaksiran atas talian (24%). Interpretasi temu bual membuktikan keberkesanan pelaksanaan pentaksiran autentik di sekolah rendah adalah 25 orang responden telah membudayakan pentaksiran autentik terutama pentaksiran berdasarkan potensi Murid. Ini menolong guru mengetahui sama ada objektif pengajaran dan pembelajaran (PdP) tercapai dan sejauh mana tahap penguasaan murid dalam sesuatu PdP. Kepimpinan para pentadbir, guru-guru, kaedah dan jenis instrument pentaksiran mempengaruhi kejayaan pelaksanaan pentaksiran autentik.

Kata kunci: amalan pentaksiran autentik, guru sekolah rendah

ABSTRACT

This study aims to look at the authentic assessment among primary school teachers in Federal Territory Kuala Lumpur and Selangor. This study studies the assessment methods, identifying the authentic assessment instruments and the effectiveness of authentic assessment in primary schools. The respondents of the study consisted of 25 primary school teachers around the Federal Territory Kuala Lumpur and Selangor. The design of the study is quantitative and qualitative that is through the method of questionnaires, interviews and document analysis. This study resulted that the instruments or types of authentic assessment used by the respondents are different based on the subjects they teach. The result of this study showed that the assessment method used are such as oral (92%), observation and writing method (88%). The respondents agreed that types of authentic assessment used among the primary school teachers are presentation (88%) scrap book (84%), hands on and portfolio (52%), and online assessment (24%). The interview interpretation proved that the authentic assessment is effective whereby the 25 respondents have cultivated it especially based on the pupils' potential development. This has helped teachers in analyzing the achievement on the objectives in their teaching and learning (PdP) and also on the level of pupils' achievement in their learning. The leadership of the administrators, teachers, methods and the assessment instruments influenced the implementation of authentic assessment achievement

Keywords: authentic assessment practice, primary school teachers

PENDAHULUAN

Pentaksiran autentik merupakan bentuk penilaian yang berdasarkan pencapaian sebenar yang ditunjukkan oleh kanak-kanak di dalam bilik darjah setiap hari (Enright et al., 1990). Pentaksiran autentik ini meliputi pentaksiran dari pelbagai aspek merangkumi pengetahuan pelajar, pemahaman mendalam, penyelesaian masalah, kemahiran sosial, sikap terhadap persekitaran dan simulasi terhadap situasi dunia sebenar. Dalam erti kata lain, pentaksiran autentik ini juga merupakan suatu proses yang melibatkan pelbagai bentuk pengukuran prestasi yang boleh mereflek tahap pembelajaran pelajar, kejayaan, motivasi dan sikap pada aktiviti yang relevan. Pentaksiran autentik juga dikenali sebagai penilaian alternatif.

Pentaksiran autentik juga didefinisikan sebagai pengevaluasian pengetahuan atau keahlian pelajar dalam konteks yang mendekati dunia sebenar atau kehidupan nyata sedekat mungkin. Menurut Rudner dan Boston (1994), pentaksiran autentik adalah proses yang memerlukan murid-murid mendemonstrasikan pengetahuan, kemahiran dan strategi dengan memberi maklum balas atau hasilan dalam konteks atau realiti yang bermakna.

Grace (1992), menjelaskan penilaian autentik ini merupakan amalan yang membabitkan kanak-kanak secara realistik dalam menilai kemajuan mereka sendiri. Penilaian autentik melibatkan pentaksiran yang dilakukan secara berterusan. Realistik dan bermakna merupakan terma yang sering digunakan dalam pentaksiran autentik. Pentaksiran autentik ini menekankan pengalaman terhadap dunia sebenar dalam kehidupan pelajar. Pentaksiran ini bukan hanya melibatkan tahap kognitif di peringkat pengetahuan dan pemahaman malah melibatkan tahap kognitif yang lebih tinggi iaitu peringkat aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian.

PERMASALAHAN KAJIAN

Berdasarkan analisis tinjauan awal pengkaji mendapati masalah utama yang dihadapi oleh guru ialah mereka masih keliru dalam melaksanakan kaedah pentaksiran yang sesuai. Pengkaji masih mendapati amalan pentaksiran yang dilaksanakan dalam kelas masih di takuk yang sama. Sebahagian guru didapati kurang peka dalam menjalankan aktiviti pentaksiran yang bersesuaian dengan tahap murid. Ini termasuklah jenis instrumen pentaksiran autentik yang sering digunakan oleh guru. Sesetengah guru tidak membaca Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) dengan betul kerana standard taksiran tahap penguasaan sememangnya telah disediakan dalam DSKP.

Kajian lepas tentang amalan pentaksiran autentik tidak banyak dijalankan di Malaysia. Kebanyakan kajian bertumpu kepada Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) seperti kajian oleh Zamri Mohamod et al. (2010), Aniza Ahmad (2014), dan Noraini Bidin dan Zamri Mohamod (2016). Bagaimana pun, Sh. Siti Hauzimah Wan Omar (2019), mengkaji kesediaan guru-guru bahasa Melayu dalam melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) daripada segi pengetahuan, kemahiran, dan sikap guru. Rumusan keseluruhan dapatkan menunjukkan bahawa semua aspek yang dikaji iaitu pengetahuan, kemahiran dan sikap guru dalam melaksanakan PBD adalah pada tahap yang tinggi.

Pentaksiran autentik dalam PBD menekankan tujuan pentaksiran sebagai pembelajaran untuk pembelajaran dan tentang pembelajaran. Guru melaksanakan pentaksiran secara berterusan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) dengan menggunakan kaedah lisan, bertulis dan pemerhatian (Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), 2018). Pelaksanaan PBD bertujuan untuk menggantikan peperiksaan supaya perkembangan murid boleh ditaksir dengan lebih holistik.

Pentaksiran autentik pula berlaku secara berterusan sepanjang PdP, bagi semua mata pelajaran. Amalan pentaksiran autentik dalam kajian ini bukanlah untuk membandingkan tahap penguasaan antara seorang murid dengan murid yang lain, tetapi bertujuan untuk melihat perkembangan kemajuan murid dalam pembelajaran di samping membantu guru menambah baik pengajaran mereka.

TUJUAN KAJIAN

Penyelidikan ini secara khusus bertujuan meneliti amalan pentaksiran autentik dalam kalangan guru sekolah rendah. Seterusnya diharapkan dapat memberi kefahaman menyeluruh secara:

- i. Mengkaji kaedah pentaksiran yang digunakan di sekolah rendah.
- ii. Mengenal pasti jenis instrumen pentaksiran autentik yang digunakan oleh guru sekolah rendah.
- iii. Mengenal pasti keberkesanan pelaksanaan pentaksiran autentik di sekolah rendah.

PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian yang utama adalah berkaitan tentang aspek-aspek amalan pentaksiran autentik dalam kalangan guru sekolah rendah. Masalah penyelidikan ini boleh dirumuskan dalam soalan kajian seperti berikut:

- i. Apakah kaedah pentaksiran autentik yang digunakan di sekolah rendah?
- ii. Apakah jenis instrumen pentaksiran autentik yang digunakan oleh guru sekolah rendah?
- iii. Sejauhmanakah keberkesanan pelaksanaan pentaksiran autentik di sekolah rendah?

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian adalah menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Menurut Cresswell (2013) penyelidikan kualitatif adalah satu proses inkuiiri untuk memahami masalah sosial atau masalah manusia, berdasarkan gambaran yang menyeluruh dan kompleks, melalui pandangan yang mendalam serta dijalankan dalam keadaan yang sebenar dan semula jadi.

Manakala pendekatan kualitatif yang digunakan sesuai dengan permasalahan kajian yang memerlukan kefahaman menyeluruh dan mendalam. Pendekatan kualitatif adalah pendekatan yang menempatkan permasalahan kajian sebagai satu fenomena yang kompleks, yang menyebabkan pengkajiannya perlu dilakukan secara holistik, deskriptif, dan interpretatif (Tjetjep Rohendi Rohidi, 2000)

Pendekatan kuantitatif digunakan dalam pengumpulan data melalui borang soal selidik merupakan langkah awal pengkaji bagi mendapatkan maklumat secara terperinci daripada responden agar dapat dianalisis secara lebih sistematik. (Harland et al., 2014).

Subjek kajian ini terbatas kepada guru-guru sekolah rendah di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor. Bagi tujuan kajian, jumlah subjek kajian yang diambil adalah seramai 25 orang guru yang dipilih secara rawak dalam kalangan guru sekolah rendah di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor.

Jadual 1

Subjek pengajaran responden

| Subjek Pengajaran Responden | Kekerapan | Peratus (%) |
|------------------------------|-----------|-------------|
| Bahasa Inggeris | 7 | 28 |
| Bahasa Melayu | 1 | 4 |
| Reka Bentuk Teknologi (RBT) | 1 | 4 |
| Pendidikan Seni Visual (PSV) | 4 | 16 |
| Pendidikan Islam | 6 | 24 |
| Tasmik | 1 | 4 |

| | | |
|--|----------|----------|
| Bahasa Arab | 1 | 4 |
| Urus Diri | 2 | 8 |
| Sains | 1 | 4 |
| Pendidikan Jamani & Kesihatan (PJK) | 1 | 4 |

Lokasi kajian ini dipilih berdasarkan terdapatnya populasi yang bertepatan dengan tujuan kajian, iaitu institusi yang mempunyai pentaksiran bilik darjah yang khusus. Lokasi kajian ini bertempat di sekolah rendah sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor.

Pemilihan lokasi ini juga dibuat berdasarkan faktor logistik, faktor kewangan dan kekangan masa yang dihadapi pengkaji iaitu jarak lokasi kajian adalah mampu dicapai oleh pengkaji bagi memudahkan proses pengumpulan data yang telah dijalankan. Bersandarkan pernyataan Chua (2006) berkaitan persampelan berkelompok, maka pengkaji memilih lokasi yang dinyatakan agar data yang telah diperoleh dapat memberikan keputusan yang boleh dipercayai.

Dalam kajian ini kaedah pengumpulan data digunakan adalah melalui soal selidik, temu bual dan analisis dokumen. Temu bual berstruktur dilaksanakan bagi memastikan pengkaji memberi fokus yang maksimum terhadap isi soalan yang diberikan kepada subjek kajian supaya maklumat yang tepat dapat direkodkan. Rosinah Edinin (2011) menyatakan bahawa hasil analisis data temu bual dipersembahkan dalam memerihal semula dan menggunakan kekerapan tema yang diperoleh melalui transkripsi temu bual secara sistematik dan berkesan. Berdasarkan strategi analisis Creswell (2013) pengkaji perlu mempertimbangkan beberapa perkara:

- i. Membaca teks beberapa kali untuk memahaminya secara menyeluruh.
- ii. Menulis rumusan (nota) teks bagi mengurangkan data untuk mengidentitikan kod dalam margin transkrip.
- iii. Memerhatikan perkataan, metafora atau idea yang digunakan oleh subjek kajian.
- iv. Menulis kod *tentative*, memo dan nota refleksi.
- v. Menggunakan perkataan dan urutan baru (*rephrase ideas*).


Kesahan dan kebolehpercayaan Instrumen Kesahan dan kebolehpercayaan sesuatu sesuatu intrumen adalah penting bagi memastikan dapatan yang diperoleh boleh dipercayai dan tidak dipersoalkan (Kerlinger dan Lee, 2001). Untuk soal selidik dan soalan temu bual yang dibina oleh pengkaji telah diuji kesahan muka dan kesahan kandungannya. Seramai tiga orang pensyarah berkelulusan PhD dirujuk untuk semakan.

Prosedur Pengumpulan dan Analisis Data

Pengkaji telah mentadbir sendiri soal selidik, himpunan dokumen dan temu bual bagi mendapat maklumat dan data dalam kajian ini. Data dan maklumat yang diperoleh dikumpul dan dipola mengikut kategori. Dalam pendekatan ini, pengkaji perlu membuat pemilihan dan interpretasi ke atas data yang dikumpul. Selain daripada itu, pengkaji juga perlu mengadunca deskripsi, dokumen, catatan lapangan dan membuat interpretasi ke atas himpunan dokumen, temu bual dan soal selidik ke dalam satu bentuk naratif deskriptif. Pendekatan analisis data yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ialah dengan menggunakan pendekatan analisis data kualitatif iaitu seperti yang telah dikemukakan oleh Miles dan Huberman (1994) menjelaskan seberapa tepat yang mungkin tentang apa yang dikaji serta menstrukturkan semula data dalam bentuk realiti yang mudah difahami oleh pembaca.

Rajah 1

Kerangka Konseptual diubah suai dari Model Interaktif Miles dan Huberman (1994)

**DAPATAN KAJIAN**

Dapatkan kajian ini terbahagi kepada tiga persoalan kajian. Berdasarkan data-data yang telah dikumpul dan berdasarkan persoalan kajian yang telah ditetapkan, maka dapatlah dijelaskan seperti berikut:

Mengkaji Kaedah Pentaksiran yang digunakan di Sekolah Rendah**Jadual 2***Kaedah Pentaksiran Yang digunakan di Sekolah Rendah*

| Kaedah Pentaksiran | Kekerapan | Peratus (%) |
|--------------------|-----------|-------------|
| Pemerhatian | 22 | 88 |
| Lisan | 23 | 92 |
| Penulisan | 22 | 88 |

Berdasarkan Jadual 2 di atas, dapatan soal selidik tentang kaedah pentaksiran yang kerap digunakan adalah kaedah pentaksiran lisan iaitu 22 kekerapan (92%) manakala kaedah pentaksiran pemerhatian dan penulisan mempunyai kekerapan yang sama iaitu 22 kekerapan (88%). Dapatkan kajian juga mendapati kaedah pentaksiran secara lisan kerap digunakan dalam kalangan guru sekolah rendah semasa sesi pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Mengenal Pasti Jenis Instrumen Pentaksiran Autentik yang Digunakan oleh Guru Sekolah Rendah**Jadual 3***Jenis Instrumen Pentaksiran Autentik*

| Jenis Instrumen Pentaksiran Autentik | Kekerapan | Peratus (%) |
|--|-----------|-------------|
| Persembahan – Slaid, Poster, Nyanyian, Alat Muzik | 22 | 88 |
| Pentaksiran Atas Talian – Permainan Video, Quizizz, Kahoot | 6 | 24 |
| Hands on - Produk, RBT, Eksperimen | 13 | 52 |
| Buku Skrap | 21 | 84 |
| Portfolio | 13 | 52 |

Berdasarkan Jadual 3 di atas, dapatan soal selidik bagi jenis instrumen pentaksiran autentik yang kerap digunakan adalah jenis instrumen pentaksiran persembahan iaitu 22 kekerapan (88%), jenis instrumen pentaksiran autentik buku skrap 21 kekerapan (84%), jenis instrumen pentaksiran autentik *hands on/amali* dan portfolio mempunyai kekerapan yang sama iaitu 13 (52%) manakala jenis instrumen pentaksiran dalam talian mempunyai kekerapan yang rendah iaitu 6 (24%). Dapatan kajian juga mendapati jenis instrumen pentaksiran secara persembahan seperti slaid, poster, nyanyian dan alat muzik kerap digunakan dalam kalangan guru sekolah rendah semasa sesi pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Mengenal Pasti Keberkesanan Pelaksanaan Pentaksiran Autentik di Sekolah Rendah

Jadual 4

Pentaksiran Bilik Darjah yang Melibatkan Pentaksiran Autentik

| Bil | Jenis Dokumen | Tarikh | Ulasan |
|-----|---|------------------|--|
| 1. | Surat Makluman Pelaporan Pentaksiran Sekolah Tahun 6 | 2016 | Makluman kepada Sekolah-sekolah di Malaysia untuk merekod pentaksiran murid Tahun 6 dan laporan keputusan pentaksiran perlu diberi bersama-sama dengan sijil UPSR |
| 2. | Panduan Pengoperasian dan Penjaminan Kualiti PBS | 2016 | Terdapat 4 bahagian yang perlu diberi perhatian bagi menjamin pengoperasian dan penjaminan Kualiti PBS iaitu pementoran, pemantauan, penyelarasian dan pengesanan. |
| 3. | Surat Pekelingiling Ikhtisas Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2017- SPI BIL. 8/2016 | 2 November 2016 | Mempunyai garis panduan secara ringkas PBS dijalankan secara inklusif dalam PdP guru |
| 4. | Surat Siaran KPM – Pemansuhan Amalan Peperiksaan Pertengahan Tahun dan Akhir Tahun Tahap 1(Tahun 1,2, & 3 di Sekolah Rendah KPM Mulai Tahun 2019 | 19 Disember 2018 | Makluman pelaksanaan secara optimum dan fokus kepada perkembangan potensi murid sepenuhnya bermula Tahap 1 |
| 5. | DSKP Tahun 1 - 5 | 2017 -2020 | Dokumen yang wajib digunakan oleh guru-guru dalam melaksanakan pengajaran dan pentaksiran |
| 6. | Panduan Menggunakan <i>Google Drive</i> Dalam Mengisi Data Templat Pelaporan Pentaksiran Bilik Darjah (Pbd) Tahap 1 | 4 September 2019 | Mempunyai garis panduan terperinci kaedah memuat naik borang pelaporan PBD di <i>Google Drive</i> |
| 7. | Terbitan: BPK Surat Makluman Perubahan Templat Pelaporan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) Tahap 1 | 25 April 2019 | Pemberitahuan kepada sekolah-sekolah di Malaysia akan perubahan template pelaporan PBD Tahap 1 |

| | | | |
|-----|---|----------------|--|
| 8. | Buku Panduan Pentaksiran Bilik Darjah Edisi ke- 2 2019 | 7 Januari 2020 | Buku panduan lengkap perlaksaan PBD untuk guru-guru Sekolah Rendah |
| 9. | Templat Pelaporan Tahap 1 dan 2 | 2019-2020 | Templat untuk guru merekod tahap penguasaan murid berpandukan DSKP |
| 10. | Surat Siaran LPM : Penjadualan semua peperiksaan dan Pentaksiran Tahun 2020 | 29 Jun 2020 | Surat Siaran KPM berikutan pandemik COVID-19 dan PKP 2020 |

Berdasarkan Jadual 4 di atas, analisis dokumen membuktikan bahawa pentadbiran pentaksiran bilik darjah yang melibatkan pentaksiran autentik telah dilaksanakan dengan baik. Pentaksiran autentik telah dilaksanakan mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia. Pihak pentadbir telah menyeragamkan proses pentaksiran bilik darjah yang melibatkan pentaksiran autentik bagi subjek-subjek yang ditawarkan dalam pembelajaran sekolah rendah. Bahagian Pembangunan Kurikulum telah menyediakan instrumen pentaksiran bilik darjah yang melibatkan pentaksiran autentik secara berpusat. Ini bagi menjamin kesahan dan kebolehpercayaan pentaksiran bilik darjah yang melibatkan pentaksiran autentik yang dilaksanakan di sekolah-sekolah rendah seluruh Malaysia. Pentaksiran bilik darjah yang melibatkan pentaksiran autentik ini juga sebagai rujukan dan panduan kepada pihak pengurusan dan guru-guru.

Terdapat usaha bagi mengekalkan tahap penguasaan kemahiran dan pengetahuan yang dinilai dari semasa ke semasa secara sistematik. Pentaksiran autentik adalah satu kaedah yang sesuai digunakan untuk menguji hasil pembelajaran yang berteraskan pentaksiran bilik darjah seperti yang terkandung dalam DSKP mata pelajaran yang berkaitan. Sehubungan itu, satu garis panduan pelaksanaan dan pentaksiran bilik darjah yang melibatkan pentaksiran autentik disediakan sebagai panduan dan rujukan kepada pentadbir, guru dan penilai yang terlibat dengan mata pelajaran berkenaan.

Jadual 5

Tahap Penguasaan Tertinggi (Pentaksiran Autentik)

| Tahap Penguasaan | Kekerapan | Peratus (%) |
|------------------|-----------|-------------|
| TP 6 | 5 | 20 |
| TP 5 | 16 | 64 |
| TP 4 | 4 | 16 |

Berdasarkan Jadual 5 di atas, analisis dokumen tahap penguasaan tertinggi bagi penggunaan pentaksiran autentik yang dikelolakan oleh subjek kajian menunjukkan murid-murid mempunyai pencapaian yang baik. Murid-murid dinilai menggunakan skala pemarkahan seperti ditetapkan dalam rubrik pemarkahan pentaksiran bilik darjah yang melibatkan pentaksiran autentik yang berkenaan bagi memastikan kesahan pemarkahan. Dapatkan kajian juga mendapati tahap penguasaan murid boleh dipertingkatkan lagi setelah mengikuti pendekatan autentik ini. Dapatkan kajian menunjukkan penggunaan pentaksiran autentik dapat meningkatkan tahap penguasaan murid. Pentaksiran ini menilai pemahaman melalui penampilan tugas yang dilaksanakan.

Jadual 6

Keberkesanan Pelaksanaan Pentaksiran Autentik di Sekolah Rendah

Soalan: Nyatakan isu yang anda hadapi semasa pelaksanaan PBD.

-
- R1 Masalah tahap murid yang berbeza.
 R2 Guru perlu manjalankan pentaksiran yang berbeza mengikut tahap murid pada satu-satu masa.

- R3 Menyediakan instrumen pentaksiran yang sesuai.
 R4 Menentukan kaedah pentaksiran mengikut tahap murid.
 R5 Tahap kemahiran dan pengetahuan murid yang berbeza-beza di dalam satu kelas menjadi isu untuk guru menjalankan pentaksiran.
-

Soalan: Beri pendapat anda untuk aktiviti pentaksiran autentik yang lebih berkesan.

- R1 Guru memerlukan lebih lagi masa untuk menjalankan PBD. Contohnya aktiviti autentik yang melibatkan projek.
 R2 Pengukuran aktiviti *hands on* yang standard untuk semua murid untuk diukur dengan cara eksplisit.
 R3 Aktiviti yang berkesan untuk pentaksiran autentik adalah seperti aktiviti lisan dan penulisan.
 R4 Aktiviti seperti projek, pameran, produk, portfolio dan persembahan.
 R5 bercerita, *hands on*, buku skrap, dan perbincangan kumpulan.
-

Soalan: Sejauhmanakah keberkesanan pentaksiran autentik dalam kalangan guru sekolah anda?

- R1 Sebagai ketua panitia mata pelajaran saya menetapkan aktiviti atau instrumen pentaksiran autentik yang berkesan mengikut tahap murid. Contoh, saya menyediakan instrumen seperti aktiviti PAK21 seperti *Rally Table*, *Three Stray*, *One Stay* dan sebagainya.
 R2 Keberkesanan pentaksiran autentik di sekolah menyebabkan murid berupaya untuk menggunakan kemahiran berfikir aras tinggi mereka (KBAT) dalam menyelesaikan permasalahan tugas yang diberikan dengan menggunakan pengalaman mereka dan berfikir secara kreatif dan kritis.
 R3 Kesemua guru sekolah ini telah membudayakan pentaksiran autentik terutama pentaksiran berdasarkan potensi.
 R4 Murid berjaya menghasilkan projek dengan menggunakan media, proses dan teknik yang betul dan kreatif. Murid juga berjaya memberi justifikasi tentang projek yang mereka hasilkan.
 R5 Pentaksiran autentik menolong guru mengetahui sama ada objektif PdP tercapai dan sejauhmana tahap penguasaan murid dalam sesuatu PdP.
-

Soalan: Apakah cadangan anda untuk penambahbaikan dalam pengurusan pentaksiran Autentik?

- R1 Maklumat tentang pentaksiran autentik perlu diperluas agar guru tahu bahawa selama ini guru-guru telahpun melakukan pentaksiran autentik tanpa mereka sedar akan maksud pentaksiran autentik.
 R2 Guru harus mempunyai lebih banyak idea untuk membina item pentaksiran untuk menilai tahap penguasaan murid.
 R3 Guru perlu mempelbagaikan cara pentaksiran dan mengurangkan sukatan pelajaran.
 R4 Guru memberi respons dan maklum balas kepada murid agar terjadi pembelajaran dua hala. Murid mengetahui tahap kemahiran dan tahap kelemahan.
 R5 Pengurusan pentaksiran melibatkan interaksi dua hala. Guru dapat memperbaiki kelemahan dalam menyampaikan pengajaran melalui maklum balas murid.
-

Berdasarkan Jadual 6 di atas, analisis temu bual menunjukkan keberkesanan pelaksanaan pentaksiran autentik di sekolah rendah adalah pada tahap yang baik. Kebanyakan subjek kajian bersetuju bahawa terdapat penyelesaian masalah yang dilaksanakan terhadap kelemahan dan keperluan penambahbaikan pentaksiran autentik. Berdasarkan temu bual juga didapati tahap pelaksanaan aktiviti amali adalah baik. Bagaimanapun tahap kefahaman guru-guru tentang pentaksiran autentik adalah sederhana. Ini ditegaskan lagi pada cadangan penambahbaikan yang perlu adalah meningkatkan pemahaman dan mempelbagaikan cara pentaksiran. Oleh itu maklumat tentang pentaksiran autentik ini haruslah diperluas lagi dalam kalangan guru sekolah rendah.

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Analisis data telah membuktikan kepimpinan para pentadbir, guru-guru, kaedah dan aktiviti pentaksiran mempengaruhi kejayaan pelaksanaan bagi pentaksiran autentik. Kaedah dan strategi bagi pentaksiran secara autentik berjaya menguji sejauh mana tahap pencapaian murid dapat menguasai pengetahuan dan kemahiran yang telah dipelajari selaras dengan matlamat kurikulum. Ini menggalakkan murid berusaha untuk memperbaiki pencapaian dan memantapkan kemahiran dalam bidang yang berkaitan sebelum dan selepas melalui pentaksiran autentik ini. Seterusnya, menjadi kayu pengukur untuk menilai tahap penguasaan murid dalam bidang berkaitan. Dapatkan kajian ini juga mempunyai implikasi positif kepada amalan pentaksiran autentik. Bagaimana pun beberapa isu telah dikenal pasti sebagai cabaran dalam pelaksanaan amalan pentaksiran autentik dalam kalangan guru sekolah rendah. Didapati tahap kemahiran dan pengetahuan murid yang berbeza-beza di dalam satu kelas menjadi isu untuk guru menjalankan pentaksiran autentik, kerana guru perlu menjalankan pentaksiran autentik yang berbeza mengikut tahap murid pada satu-satu masa.

Para pengkaji menekankan bahawa guru-guru memerlukan sokongan berterusan sama ada secara tidak langsung di bilik darjah atau melalui struktur pembelajaran profesional untuk membolehkan mereka menguasai perspektif yang betul terhadap pentaksiran (Lee & William, 2005; Mertler, 2009). Terdapat empat bahagian yang perlu diberi perhatian bagi menjamin pengoperasian dan penjaminan kualiti pentaksiran iaitu pementoran, pemantauan, penyelaras dan pengesanan. Perubahan yang dilakukan dalam amalan pentaksiran bilik darjah bagi pentaksiran autentik adalah lebih menjurus proses untuk melihat perkembangan pembelajaran murid secara autentik atau yang asli. Sistem peperiksaan tradisional yang diamalkan sebelum ini didapati mempunyai pelbagai kelemahan yang sememangnya didapati kurang sesuai untuk diamalkan pada zaman ini. Contohnya, pentaksiran yang melibatkan penggunaan pen dan kertas sahaja. Setiap murid haruslah melalui proses pembelajaran yang terbaik agar mereka dapat menguasai standard kandungan pembelajaran yang telah ditetapkan.

Semua pihak juga diharap mempertingkatkan kualiti pelaksanaan pentaksiran autentik kerana merupakan sesuatu yang amat penting dalam meningkatkan prestasi penilaian mata pelajaran di sekolah rendah. Hasil dapatkan pengkaji juga seiring dengan Model Pengajaran Robert Glaser iaitu dibina berlandaskan konsep pengajaran sebagai suatu proses yang menitikberatkan langkah-langkah pengajaran iaitu perancangan, pelaksanaan, penilaian dan maklum balas (Glaser, 1962 dalam Joyce et al., 1992)

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) menekankan, setiap kurikulum yang diajar di sekolah akan melahirkan individu yang seimbang dari segi JERI di samping mengamalkan pendidikan itu secara berterusan dalam kehidupan. Pendidikan merupakan proses permerolehan dan pemindahan pengetahuan, nilai murni dan pelbagai kemahiran. Proses ini berlangsung secara berterusan dalam diri seseorang sejak kecil hingga ke akhir hayatnya. Oleh yang demikian, para pentadbir dan guru-guru haruslah membuat refleksi terhadap pelaksanaan dan cabaran pentaksiran autentik ini agar hasrat yang terkandung dalam matlamat pendidikan negara akan tercapai. Ini disebabkan pentaksiran bilik darjah yang melibatkan pentaksiran autentik merupakan kandungan kepada kurikulum yang telah dibentuk.

RUJUKAN

- Aniza Ahmad. (2014). *Pengetahuan, kefahaman dan kemahiran guru bahasa melayu terhadap pelaksanaan pentaksiran berdasarkan sekolah (PBS) di sekolah menengah*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chua, Y.P. (2006). *Kaedah dan statistik penyelidikan: kaedah penyelidikan*. Buku 1. McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Cresswell J. W. (2013). *Qualitative inquiry & research design*. SAGE Publication Inc.

- Enright, C. S., Hamilton, R. L., & Lehrer, R. M. (1990). *Some Reflections on PERT and Project Management*. PM Network, 4(4), 26–31, 33.
- Grace, C. (1992). *The portfolio and its use: developmentally appropriate assessment of young children*. ERIC DIGESTS, Article No: ED351150
- Harland, T., McLean A., Wass R., Miller E. & Kwong Nui Sim. (2014). *An assessment arms race and its fallout: high-stakes grading and the case for slow scholarship*, Assessment & Evaluation in Higher Education. <https://www.tandfonline.com/doi/abs/10.1080/02602938.2014.931927>
- Joyce B., Weil M. & Showers B. (1992). *Model of teaching*. Production Services.
- Kerlinger, F.N. & Lee, H.B. (2001). *Foundations of behavioural research. 4th Edition*. Harcourt College Publishers.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Panduan pelaksanaan pentaksiran bilik darjah (PBD)*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Lee, C., & Wiliam, D. (2005). *Studying changes in the practice of two teachers developing assessment for learning*. Teacher Development, 9(2), 265-283. <http://dx.doi.org/10.1080/13664530500200244za>
- Mertler, C. A. (2009). *Teachers' assessment knowledge and their perceptions of the impact of classroom assessment professional development*. Improving Schools, 12(2), 101-113. <https://doi.org/10.1177/1365480209105575>
- Miles, M. B., & Huberman, A. M. (1994). *Qualitative data analysis: An expanded sourcebook (2nd ed.)*. Sage.
- Noraini Bidin & Zamri Mahamod. (2016). Kesediaan murid sekolah menengah terhadap pelaksanaan pentaksiran berdasarkan sekolah dalam mata pelajaran bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6 (1): 64-76.
- Rosinah Edinin. (2011). *Penyelidikan tindakan kaedah dan penulisan*. Freemind Horizons Sdn. Bhd.
- Rudner, L. M., & Boston, C. (1994). Performance assessment. *ERIC Review*, 3(1), 2–12.
- Sh. Siti Hauzimah Wan Omar. (2019). Pengetahuan, kemahiran, sikap dan masalah guru dalam melaksanakan pentaksiran bilik darjah bahasa Melayu di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu ; Malay Language Education (MyLEJ)*, 9 (1). pp. 56-67. ISSN 2180-4842
- Tjetjep Rohendi Rohidi. (2000). *Ekspresi seni orang miskin: Adaptasi simbolik terhadap kemiskinan*. Yayasan Nuansa Cendekia dan Ford Foundation.
- Zamri Mahamod, Mohamed Amin Embi & Nik Muhd Rahimi Mohd Yusoff. (2010). *Pentaksiran bilik darjah: Panduan Untuk Guru Bahasa Melayu, Inggeris, dan Arab*. Penerbitan Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.